## LAPORAN PROGRAM DAN AKTIVITI BAGI JABATAN PENGAJIAN AM POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

## ASPIRASI KESENIAN ISLAM 3.0 2020

| PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|
| **Pelaksana** | Jawatankuasa Aspirasi Kesenian Islam 3.0 Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) |
| **Tarikh** | 21 Oktobrt 2020 |
| **Hari** | Rabu |
| **Masa** | 9.00 pagi – 4.30 petang |
| **Tempat** | • **Sesi penjurian Pertandingan Video Kreatif:**<br>- Secara dalam talian di lokasi masing-masing.<br><br>• **Majlis Perasmian Penutup:**<br>- TECC 1 (JPA) |
| **Peringkat** | Politeknik |
| **Kumpulan Sasaran** | Pelajar Politeknik Ibrahim Sultan |
| **Kejayaan/Pencapaian** | Pertandingan terbahagi kepada dua kategori iaitu:<br><br>1. Video Kreatif daripada Unit Pendidikan Islam<br>2. Video Kreatif daripada Unit Bahasa Inggeris.<br><br>Pemenang daripada setiap kategori menerima hadiah berupa wang tunai yang dipindahkan terus ke akaun penerima. Nilai hadiah:<br><br>• Johan : RM 400.00<br>• Naib Johan : RM 300.00<br>• Tempat ketiga : RM 200.00<br>• Saguhati : RM 100.00 ( 7 kumpulan ) |

| | |
|---|---|
| **Ringkasan Perjalanan Program** | Program Aspirasi Kesenian Islam 3.0 ini adalah rentetan atau sambungan daripada kejayaan penganjurannya buat pertama kali diadakan pada September 2018 yang lalu. Bezanya penganjuran program kali ini hanya melibatkan satu pertandingan sahaja iaitu pertandingan Video Kreatif yang bertemakan nilai-nilai baik dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa. Ia dicadangkan dalam mesyuarat jawatankuasa penganjurannya berikutan daripada masalah Covid 19 yang melanda negara ketika ini. Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar Politeknik Ibrahim Sultan. Ia dibahagikan kepada dua kategori iaitu:<br>1. Pertandingan Video Kreatif daripada Unit Pendidikan Islam.<br>2. Pertandingan Video Kreatif daripada Unit Bahasa Inggeris.<br>Pertandingan ini dijalankan secara dalam talian dan telahpun berjaya mencapai objektif program. |

**TENTATIF PROGRAM**

| **Bil.** | **Agenda** | **Tarikh** |
|---|---|---|
| 1. | Peserta menghantar video kreatif | 04 – 08 Oktober 2020 |
| 2. | Penilaian oleh Panel dalaman | 11 – 15 Oktober 2020 |
| 3. | Pemilihan (30) video kreatif terbaik oleh panel luar yang dilantik | 18 – 19 Oktober 2020 |
| 4. | Sesi Perjurian pertandingan video kreatif | 21 Oktober 2020 |
| 5. | Majlis Perasmian Penutup dan pengumuman pemenang | 21 Oktober 2020 |

**TENTATIF PERJALANAN PROGRAM**

***RABU ( 21 Oktober 2020 )***

| | |
|---|---|
| 8.00 - 9.00 pagi | : Sarapan |
| 9.00 - 12.30 tengahari | : Sesi penjurian Pertandingan Video Kreatif |
| 02.00 – 04.30 petang | : Majlis Penutup<br>- Ketibaan VIP<br>- Bacaan Doa<br>- Ucapan Ketua Jabatan Pengajian Am<br>- Ucapan perasmian oleh Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan melalui rakaman/tayangan video<br>*( Hjh Rashidah binti Mustapa )*<br>- Ulasan Ketua juri secara online<br>- Tayangan Montaj<br>- Pengumuman pemenang<br>- Sesi bergambar dan bersurai |

Sebanyak 15 video kreatif daripada setiap unit telah dipilih untuk dipertandingkan di peringkat akhir pada 21hb Oktober 2020 setelah ditapis oleh panel dalaman dan panel jemputan.

Panel penilai bagi pertandingan ini terdiri daripada (4) orang iaitu Encik Ahmad Amirul Hafiz bin Mohd Nor selaku ketua juri, Puan Fazilah binti Abdullah, pensyarah Kolej Vokasional (ERT) Azizah. Mereka adalah juri jemputan daripada luar. Manakala dua orang juri lagi merupakan juri daripada PIS sendiri iaitu Puan Nor Afizah binti Jalil, Pegawai Multimedia dan Sumber Politeknik Ibrahim Sultan dan Encik Rowland Anak Arah, Ketua Unit Perpustakaan Politeknik Ibrahim Sultan.

Majlis perasmian penutup telah berlangsung di sebelah petang dan ia disempurnakan oleh Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan iaitu Puan Hajah Rashidah binti Mustapa melalui rakaman dan tayangan video.

| | |
|---|---|
| | Senarai pemenang turut diumumkan dalam majlis perasmian penutup ini. Program ini diakhiri dengan sesi fotografi pada jam 4.30 petang.<br><br>Diharapkan program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai satu bentuk pendedahan kepada para pelajar untuk sentiasa berdaya saing dan bersedia dalam mendepani cabaran dunia pendidikan yang sentiasa berubah. |
| **Objektif Program :** | 1. Meningkatkan kreativiti dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran melalui hubung kait antara teori dan praktikal.<br>2. Memupuk dan meningkatkan kefahaman kesenian Islam serta hubungkaitnya dengan budaya kreativiti / inovasi dalam kehidupan seharian..<br>3. Melahirkan pelajar dan warga Politeknik Ibrahim Sultan yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi melalui aktiviti kesenian dan inovasi.<br>4. Membentuk budaya masyarakat berilmu dan berfikiran aras tinggi.<br>5. Memupuk kerjasama dua hala antara politeknik, masyarakat dan pihak industri demi manfaat bersama. |
| **Strategi Pelaksanaan** | 1. Pertandingan Video Kreatif |
| **Masalah/kekangan yang dihadapi** | Tiada |
| **Alatan Bantu** | Komputer Riba & LCD |
| **Kos** | Pendapatan : RM 5465.00<br><br>Perbelanjaan :RM 1650.00<br><br>Sumber : Yuran Penyertaan (RM100 X 1 penyertaan) |

| | |
|---|---|
| | Laporan kewangan seperti dilampiran 1 |
| **Impak Program** | **Kepada pelajar:**<br>1. Proses pembelajaran kursus MPU23052 - Sains Teknologi & Kejuruteraan Dalam Islam, DUA 23072- Hospitaliti dan Pelancongan Dalam Islam, MPU 23082 - Seni Dalam Islam, DUA 6022- Komunikas dan Penyiaran Dalam Islam DUB 1012 – Pengajian Malaysia, MPU23043 – Nilai-Nilai Masyarakat Malaysia, DUE10012 – Communication English 1, DUE30022 – Communication English 2 dan MPU4013 – English for Digital Technology lebih mudah difahami.<br>2. Meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan mengenai kepentingan dalam bidang kesenian dan teknologi dalam kalangan pelajar.<br>3. Memberi ruang serta peluang kepada para pelajar berkarya @ berinovasi bagi meningkatkan keyakinan serta penampilan diri.<br>4. Menerapkan tahap keyakinan diri para pelajar dalam mengendalikan acara.<br><br>**Kepada staf/pensyarah :**<br>1. Menaikkan imej dan nama baik pensyarah Politeknik Malaysia, khususnya Politeknik Ibrahim Sultan.<br>2. Mewujudkan budaya kerjasama antara staf Politeknik Ibrahim Sultan dan pihak luar yang terlibat dalam menjayakan program ini. |

| | |
|---|---|
| | **Kepada Politeknik :**<br>1. Menaikkan imej dan nama baik Politeknik Malaysia, khususnya Politeknik Ibrahim Sultan.<br>2. Membantu politeknik menghasilkan warga kerja yang kompeten dan berdaya saing tinggi dalam aspek kreativiti/inovasi.<br>3. Mewujudkan budaya kerjasama antara Politeknik Ibrahim Sultan dengan pihak luar yang terlibat dalam menjayakan program ini. |
| **Dokumentasi** | Gambar program adalah seperti di lampiran 1 |

Lampiran 1

**<u>Gambar-gambar aktiviti</u>**

**<u>Program Aspirasi Kesenian Islam 2020</u>**




Gambar 1: Banner.





Gambar 2 : Persediaan tempat.



Gambar 3: Makanan untuk pelajar disediakan secara bungkus




Gambar 4 :  Ucapan Ketua Jabatan Pengajian Am